

0685

B B351 DEB  
MAHATHIR = KOMPROMI

MASJID TANAH, 15 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA BELIAU BELUM MENGETAHUI TAKRIF SEBENAR +KOMPROMI+ YANG DIPERKATAKAN OLAH KEBANYAKAN ORANG MENJELANG PEMILIHAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO APRIL INI.

BELIAU, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA BELIAU PERLU MENGETAHUI PERKARA SEBENAR YANG DIMAKSUDKAN DENGAN KOMPROMI ITU SEBELUM MENGELUARKAN APA-APA KENYATAAN MENGENAINYA.

+SAYA PERLU TAHU APA DIA KOMPROMI ITU TERLEBIH DAHULU. ADAKAH IA BERMAKNA SAYA MENJADI PRESIDEN SELAMA SETAHUN KEMUDIAN DIGANTI PRESIDEN LAIN ATAU KITA ADA DUA PRESIDEN, PRESIDEN NOMBOR SATU DAN PRESIDEN NOMBOR DUA,+ KATA BELIAU.

SEMASA MENEMUI PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN ALOR GAJAH DI SINI, HARI INI, BELIAU BERKATA +BERBAGAI-BAGAI PERKARA BOLEH BERLAKU+ (MENGENAI KOMPROMI).

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BERSEDIA MENDENGAR PANDANGAN SESIAPA JUGA MENGENAI PERKARA ITU. -- LAGI  
1718MST 15 03 87

B B352 DEB

MAHATHIR - KOMPROMI 2 MASJID TANAH

KALANGAN ANGGOTA UMNO SEBELUM INI MENCADANGKAN BEBERAPA PEMIMPIN YANG DISEBUT-SEBUT AKAN BERTANDING YANG TELAH MENGESAHKAN PERTANDINGANNYA PADA PERHIMPUNAN AGUNG PARTI BULAN DEPAN SUPAYA BERKOMPROMI UNTUK MENGELAKKAN PERPECAHAN DALAM PARTI.

PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO YANG DIMAKSUDKAN ITU IALAH DATUK SERI DR MAHATHIR SENDIRI, TIMBALAN PRESIDEN, DATUK MUSA HITAM, TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA, SERTA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGKU RAZALEIGH HAMZAH.

TENGKU RAZALEIGH DISEBUT-SEBUT AKAN MENCABAR DATUK SERI DR MAHATHIR MANAKALA ENCIK GHAFAR DIKATAKAN AKAN MENCABAR DATUK MUSA.

SEMENTARA ITU, LAPORAN KHABAR HARI INI MENYEBUT YANG KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA, ENCIK ANWAR IBRAHIM, BERKATA BEBERAPA ORANG PEMIMPIN PARTI SEDANG BERUSAHA MENGADAKAN KOMPROMI MENGELAKKAN APA-APA PERTANDINGAN APRIL INI.

ENCIK ANWAR DILAPORKAN BERKATA, +BEBERAPA ORANG DARIPADA KAMI SEDANG MELAKUKANNYA SECARA DIAM-DIAM MEWUJUDKANNYA+ DAN MENAMBAH BELIAU KURANG PASTI SAMA ADA AKAN ADA PERTANDINGAN KELAK. -- LAGI  
1721MST 15 03 87

0687

B B353 DEB

MAHATHIR - KOMPROMI 3 MASJID TANAH

SEMENTARA ITU, KETIKA DITANYA MENGENAI KEMUNGKINAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MANA-MANA PEMIMPIN UMNO YANG MENCACI YANG LAIN DALAM KEMPEN MEREKA SEKARANG, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI BERKENAAN, BERKATA IA TIDAK AKAN BERLAKU.

+TIDAK MENGAPA, TIDAK MELANGGAR UNDANG-UDANG TIDAK MENGAPALAH DAN KITA TIDAK ADA UNDANG-UNDANG ANTI CACI-MENCACI.

+TAK TAHULAH ADA ATAU TIDAK, SAYA BUKAN LAWYER,+ KATANYA SAMBIL BERSELOROH.

KETIKA DITANYA MENGENAI KEDUDUKAN PARTI BANSA DAYAK SARAWAK (PBDS) DALAM BARISAN NASIONAL (BN), PERDANA MENTERI, YANG JUGA Pengerusi BN, BERKATA BELIAU BELUM MENGETAHUI MENGENAI PERKARA ITU.

MENURUTNYA, BELIAU MUNGKIN BERUNDING DENGAN SETIAUSAHA AGUNG BN, ENCIK GHAFAR, MENGENAINYA ESOK.

KETUA MENTERI SARAWAK, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, SEBELUM INI BERKATA PBDS MENGGUGURKAN DIRINYA DARIPADA BN SENDIRI APABILA KESEMUA ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK PARTI ITU MENYERTAI +KUMPULAN 28+ YANG HENDAK MENJATUHKANNYA.

SEBALIKNYA, PRESIDEN PBDS, DATUK LEO MOGGIE, BERKATA PARTI ITU MASIH ANGGOTA BN. -- BERNAMA  
1723MST 15 03 87